



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 26 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NATION'S RICE STOCK SUFFICIENT FOR 5.45 MONTHS, SAYS MINISTER, NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	FIVE AND HALF MONTHS OF RICE, GOVT IS COMMITTED TO ENSURING FOOD SUPPLY IN CASE OF DISASTER, NATION, THE STAR, M/S – 4	
3.	STOK BERAS NEGARA CUKUP LEBIH 5 BULAN JIKA BENCANA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 6	
4.	STOK BERAS NEGARA CUKUP LEBIH 5 BULAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 8	
5.	BEKALAN BERAS CUKUP TAMPUNG KEPERLUAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	
6.	PESAWAH BERDEPAN KEMEROSOTAN HASIL AKIBAT PANAS MELAMPAU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	LAIN – LAIN
7.	PEMUTIHAN LADANG AYAM LAMA PATUHI SYARAT BAHARU, KEDAH, HAKAKAH, M/S – 16	
8.	TERJERAT DALAM KEPUNGAN, 17 INDIVIDU DITAHAN CUBA SELUDUP 32 EKOR LEMBU MELALUI SUNGAI GOLOK KETIKA SAHUR , LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 9	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2026	NEW STRAITS TIMES	NEWS	6

DISASTER PREPARATION

Nation's rice stock sufficient for 5.45 months, says minister

THE Agriculture and Food Security Ministry has given its assurances that the country's rice stock is sufficient to meet national needs for 5.45 months in the event of a disaster.

Its minister, Datuk Seri Mohamad Sabu, said as of Feb 3, Malaysia's rice stock stood at 1,089,285 tonnes, comprising 200,000 tonnes of buffer stock and 889,285 tonnes of trading stock.

He said the ministry had introduced strategies under the National Agrofood Policy 2021-2030 and the National Food Security Policy 2030 to strengthen the resilience and sustainability of the agrofood system.

He added that the ministry implemented the Five-Season Padi

Cultivation Programme, covering 3,000ha, in stages within the Muda Agricultural Development Authority area beginning in 2024.

"The ministry is also strengthening the beef cattle industry for breeding purposes through the Ruminant Enhancement Programme and the Ruminant Livestock Breeding Programme, using assisted reproductive technologies to increase the population of quality breeding stock in the country.

"In addition, beef cattle yields are being improved through the Beef Cattle Productivity Incentive Programme, targeting a national average birth rate of 60 per cent.

"We are also strengthening ties with major food-supplying na-



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu speaking at the Dewan Rakyat yesterday. BERNAMA PIC

tions such as other Asean countries, China, India, Pakistan, Brazil, Australia and New Zealand, among others."

He was responding to Zakri Hassan (PN-Kangar), who asked about the ministry's approach to ensuring the continuity of the national food supply during disasters.

On another matter, he said 265 padi farmers were affected by

floods in Perlis last November.

They had confirmed destroyed fields covering 333.82ha that involved crops aged below 70 days.

He said the proposed assistance for the farmers amounted to RM292,426.32, with the Rice Crop Disaster Fund committee expected to convene on March 6 to recommend and approve the aid.

Five and half months of rice

Govt is committed to ensuring food supply in case of disaster

KUALA LUMPUR: Malaysia has sufficient rice stockpiles to last about five and a half months in the event of an emergency, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

This comprises 200,000 tonnes of buffer stock and 889,285 tonnes of trade stocks, added the Agriculture and Food Security Minister.

Mohamad said this was among the measures taken to ensure continuous food supply in the event of disaster.

Other measures include conducting a pilot project for padi planting over land spanning 3,000ha.

This was conducted in stages beginning in 2024 under areas managed by the Muda Agricultural Development Authority (Mada).

"There are also phased efforts to upgrade and modernise water management systems in the agriculture sector through cooperation with the private sector, as a means to optimise water management during floods and drought," he said during Question Time at the Dewan Rakyat yesterday.

He also highlighted the padi



Food security: Mohamad says there are a whole host of measures and programmes to maintain sufficient rice supply. — Bernama

planting takaful scheme that provides protection for small-scale farmers impacted by disaster where compensation of up to RM3,000 per ha is payable for crop damage.

"A disaster fund also channels

immediate aid to target groups impacted by disaster, crop diseases or pest attacks," he said, adding that some RM5.04mil was channelled to about 2,255 farmers, covering damages over 3,253.4ha.

"The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) is also carrying out research, development and innovation activities to develop variations of padi and other crops that are tolerant to drought, floods and salinity."

According to Mohamad, efforts are also being taken to strengthen the beef cattle industry for breeding purposes through the Ruminant Enhancement Programme and the Ruminant Livestock Breeding Programme.

"In addition, beef cattle output is being enhanced through the Beef Cattle Productivity Incentive Programme aimed at achieving a national average calving rate of 60%," he said, noting how the ministry is also developing and expanding early warning systems for pests through close cooperation with the Malaysian Meteorological Department (METMalaysia).

"The ministry remains committed to improving the durability of the national agrofood ecosystem and will work to ensure food security is always retained."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Stok beras negara cukup lebih 5 bulan jika bencana

KUALA LUMPUR - Stok fizikal beras semasa negara mampu menampung keperluan rakyat bagi tempoh 5.45 bulan sekiranya Malaysia berdepan bencana seperti banjir atau perubahan iklim yang mengakibatkan gangguan bekalan makanan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, setakat 3 Februari lalu, jumlah stok beras negara mencecah 1,089,285 metrik tan merangkumi 200,000 metrik tan stok penimbal dan 889,285 metrik tan stok dagangan.

Menurutnya, penyediaan stok penimbal bagi komoditi utama seperti beras itu menjadi



MOHAMAD

antara strategi yang dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan bekalan makanan negara jika berlaku bencana.

"Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga melaksanakan Projek Rintis Penanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh 2 Tahun melibatkan kawasan seluas 3,000 hektar secara berperingkat bermula tahun 2024 di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).


"Kementerian turut menaik taraf dan modenkan sistem pengurusan air sektor pertanian dengan kerjasama awam swasta secara berfasa bagi pembangunan dan penyelenggara-

an Skim Pemindahan Air Jeniang Fasa II untuk mengoptimalkan pengurusan air ketika musim banjir dan kemarau," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Zakri Hassan (PN-Kangar)** mengenai kaedah kementerian memastikan kesinambungan bekalan makanan negara ketika bencana yang menjejaskan pengeluaran hasil.

Beliau menambah, pada masa sama KPKM memperkasa industri lembu pedaging, bertujuan biak baka menerusi Program Peningkatan Ruminan dan Program Pembiakbakaan Ternakan Ruminan bagi meningkatkan populasi induk pembiak berkualiti dalam negara.

Stok beras negara cukup lebih 5 bulan



DEWAN RAKYAT

- Mampu tampung jika berlaku bencana
- 200,000 tan stok penimbun, 889,285 tan stok dagangan

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan beras negara berada pada tahap mencukupi dan mampu menampung keperluan rakyat sehingga 5.45 bulan sekiranya negara dilanda bencana.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sehingga 3 Februari lalu, stok fizikal beras negara direkodkan sebanyak 1,089,285 tan.

"Jumlah itu merangkumi 200,000 tan stok penimbun beras dan 889,285 tan stok dagangan yang berada dalam pasaran.



KPKM memberi jaminan bahawa bekalan beras negara mampu menampung keperluan rakyat selama 5 bulan sekiranya dilanda bencana. – GAMBAR HIASAN

"Dengan jumlah ini, kita yakin bekalan beras semasa adalah mencukupi untuk menampung keperluan dalam tempoh lebih lima bulan sekiranya berlaku sebarang gangguan seperti bencana," katanya pada Sesi Soal Jawab

Lisan di Dewan Rakyat semalam. Beliau berkata, KPKM turut melaksanakan Projek Rintis Penanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh Dua Tahun sebagai langkah persediaan menghadapi risiko bencana dan

perubahan iklim.

Kata beliau, projek itu meliputi kawasan seluas 3,000 hektar secara berperingkat di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bermula tahun 2024.

Jelasnya, dalam masa sama, KPKM juga memperkasakan industri lembu pedaging melalui Program Peningkatan Ruminan serta Program Pembiakan Ternakan Ruminan menggunakan teknologi pembiakan berbantu.

"Langkah tersebut bertujuan meningkatkan populasi induk pembiak berkualiti dalam negara sekali gus memperkukuh bekalan daging tempatan.

"Hasil lembu pedaging turut dipertingkatkan melalui Program Insentif Galakan Peningkatan Produktiviti Lembu Pedaging ke arah mencapai purata kadar kelahiran nasional sebanyak 60 peratus," jelasnya.

Katanya, Malaysia juga mengeratkan hubungan dengan negara pembekal bahan makanan utama termasuk negara ASEAN, China, India, Pakistan, Brazil, Australia dan New Zealand bagi memastikan rantaian bekalan makanan kekal stabil.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Zakri Hassan (PN-Kangar) berhubung kaedah Kementerian memastikan kesinambungan bekalan makanan negara ketika berdepan bencana seperti banjir dan perubahan iklim yang menjejaskan pengeluaran hasil pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Bekalan beras cukup tampung keperluan

KUALA LUMPUR: Walaupun berdepan cabaran bencana alam yang menjejaskan pengeluaran hasil, bekalan beras negara yang berjumlah 1,089,285 tan metrik mampu menampung keperluan domestik untuk tempoh lebih lima bulan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, simpanan itu merangkumi stok penimbal dan bekalan daganan semasa yang memastikan bekalan makanan negara sentiasa terpelihara.

“Antara strategi yang dilak-

sanakan termasuk menyediakan stok penimbal bagi komoditi utama seperti beras.

“Sehingga 3 Februari 2026, stok fizikal beras semasa negara adalah sebanyak 1,089,285 tan metrik merangkumi 200,000 tan metrik stok penimbal beras dan 889,285 tan metrik stok daganan yang mencukupi untuk menampung keperluan selama lebih lima bulan,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Mohamad menjawab soalan Zakri Hassan (PN-Kangar) mengenai langkah memastikan kesinambungan bekalan ma-

kanan negara semasa bencana seperti banjir dan perubahan iklim.

Dalam pada itu, belum ada kata putus dicapai untuk membolehkan eksport ikan siakap Malaysia ke Thailand kembali lancar, ekoran penemuan pelanggaran residu dadah veterinar pada ikan itu oleh pihak berkuasa Thailand sebelum ini.

Mohamad berkata, bermula 1 Mac 2024, Thailand mengetatkan syarat pengimportan ikan siakap sejuk beku Malaysia, sebelum memperkenalkan keperluan lebih ketat pada 1 April

2025 melibatkan Sijil Analisis Makmal (COA), pensampelan semula di pintu masuk serta pematuhan Sijil Tangkapan (CC) bagi sumber laut.

Beliau berkata, rundingan dengan pihak berkuasa Thailand masih berjalan bagi melancarkan semula eksport yang terjejas susulan pengetatan syarat sanitari dan fitosanitari (SPS).

“Walaupun eksport masih dibenarkan, prosedur tambahan ini menyebabkan kelewatan dan menjejaskan kelancaran pengeksportan ikan Malaysia ke Thailand,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Pesawah berdepan kemerosotan hasil akibat panas melampau

SUNGAI PETANI: Cuaca panas melampau yang melanda negeri ini sejak hampir dua bulan lalu menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pesawah kerana berpotensi menjejaskan hasil padi musim ini.

Pesawah di Sidam Kiri, Ariff Muhammad Isa, 60, yang mengusahakan empat hektar sawah turut terjejas apabila padi berusia 50 hari menjadi ringan, kering, dan kurang berisi.

“Keadaan panas menyebabkan tumbesaran padi terganggu, pokok cepat kering dan buah kurang berisi. Ditambah lagi masalah bekalan air, pendapatan musim ini pasti merosot,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pesawah Saad Hashim, 60, berkata, tinjauan di sawahnya dia mendapati air semakin susut menyebabkan pokok padi yang sedang bunting kini terjejas.

“Cuaca panas cepat mengeringkan tanah sehingga buah padi membantut. Jika berterusan, sawah mungkin diserang penyakit bena perang dan perosak lain, menjadikan hasil merosot teruk,” katanya yang mengusahakan lima hektar padi.

Sementara itu, Mat Saad Man, 59, menjangkakan hasil padi sawah lebih enam hektar miliknya akan merosot daripada lapan guni kepada lima atau

enam guni sahaja pada musim ini.

“Banyak tangkai pokok padi di sawah seluas enam hektar sedang mula berbuah sekarang sedang mula berbuah sekarang kecut dan patah ekoran cuaca panas melampau.

“Jika ada hujan, dapat juga membasahkan pokok namun apa boleh buat kerana itu bukan berpunca daripada salah sesiapa sebaliknya sudah aturan alam,” katanya.

Pada 24 Februari lalu, akhbar ini melaporkan cuaca di Kedah kembali panas dengan beberapa daerah mencatatkan suhu sehingga 37 darjah Celsius selama tiga hari berturut-turut.

Pengarah Meteorologi Malaysia Kedah, Muhammad Khalil Abd. Aziz dilaporkan berkata, cuaca itu bagaimanapun dijangka tidak berpanjangan berikutan Semenanjung Malaysia kini menerima tiupan angin baratan.

Pemutihan ladang ayam lama patuhi syarat baharu

ALOR SETAR: Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesihatan Negeri menyambut baik cadangan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) berkenaan dasar dan syarat-syarat baharu untuk ladang ayam.

Kata Mejar (B) Mansor Zakaria, antara lain yang dibincangkan pada sesi taklimat bersama MPC barubaru ini, "termasuklah pemutihan ladang-ladang ayam lama, terutama yang tidak memenuhi syarat ditetapkan.

"Kebanyakan ladang-ladang ayam yang telah diusahakan lebih daripada

10 tahun, tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tem-

patan (PBT), dari sudut keluasan dan masih mengekalkan konsep terbuka," jelas beliau ketika dihubungi.

Jelasnya, para pengusaha ladang ayam perlu ada Kebenaran Merancang (KM), di mana melalui dasar pemutihan, keutamaan akan difokuskan kepada ladang-ladang ayam yang tidak memenuhi syarat PBT dan KM.

Sebelum ini kata beliau, pihaknya khususnya PBT sendiri, terpaksa berhadapan dengan pengusaha ladang ayam yang enggan mematuhi syarat-syarat baharu ditetapkan.

"Mereka ini kebanyakannya yang beroperasi lebih dari 10 tahun. Mereka masih mahu mengekalkan syarat-syarat lama yang dikenakan sebelum ini.

"Sedangkan syarat berkenaan tidak boleh digunakan pakai buat masa ini. Antaranya keluasan ladang yang kecil, tempat tidak tertutup dan sebagainya.

"Jika enggan patuhi syarat-syarat baharu yang dikenakan, kemungkinan mereka tidak boleh menjalankan operasi lagi," jelas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Ketil itu lagi.

Beliau turut memaklum-

kan, penting bagi pengusaha mendapat kebenaran ini untuk membolehkan mereka menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan lain-lain agensi berkaitan.

Tanpa kebenaran PBT mahupun Kerajaan Persekutuan kata Mansor, menyuarakan pihak pengusaha mendapat apa-apa bantuan dan peruntukan yang boleh digunakan untuk memperbesar ladang ayam mereka.

"Saya akan bawa perkara ini untuk perbincangan di peringkat Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan seterusnya," kata beliau lagi.



Mejar (B) Mansor Zakaria

Terjerat dalam kepungan

17 individu ditahan cuba seludup 32 ekor lembu melalui Sungai Golok ketika sahur

Oleh Hidayatidayu
Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Cuba seludup 32 ekor lembu melalui Sungai Golok, Rantau Panjang di sini, ketika orang ramai sedang sibuk bersahur.

Itu tindakan sekumpulan 17 individu yang diberkas anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) dalam satu operasi di kawasan sempadan sekitar jam 5 pagi kelmarin.

Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Divisyen) dalam kenyataan semalam, memaklumkan kejayaan itu hasil tindakan pasukan yang melaksanakan kawalan sempadan di kawasan tanggungjawab briged kelapan Infantri Malaysia (8 Briged) bagi mengekang aktiviti jenayah rentas sempadan.

Kenyataan itu memaklumkan pada 5.15 pagi, pasukan rondaan mengesan tujuh lelaki membawa lembu terbahit menyeberangi tebing dari Thailand ke Malaysia melalui Sungai Golok.



TENTERA gagalkan cubaan oleh tiga rakyat Malaysia seludup 32 ekor lembu dari Thailand bernilai RM448,350 dalam operasi di sepanjang Sungai Golok, Rantau Panjang.

"Di sebelah Malaysia pula, sebuah lori dikesan dipercayai menunggu untuk mengangkut lembu berkenaan berpemindahan.

"Pasukan operasi kemudiansa mengempung kawasan itu dan menahan tiga lelaki warga tempatan berusia nyeberangi Sungai Golok

antara 36 hingga 43 tahun... individu lain dilaporkan melarikan diri dengan menyebarkan

ke Thailand," menurut kenyataan itu.

Selain 32 ekor lembu yang dipercayai cuba seludup tanpa dokumen sah, turut dirampas sebuah lori, kereta Proton Saga dan lima motosikal yang dianggarkan bernilai RM448,350.

Laporan polis berkaitan rampasan haiwan ternakan itu dibuat di Balai Polis Lubok Stoi, Rantau Panjang.

Haiwan berkenaan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia Rantau Panjang manakala kes itu disiasat oleh Kastam Diraja Malaysia di ICQS Bukit Bunga.

Menurut kenyataan itu, pasukan operasi terus memperketat kawalan di sempadan negara bagi mengekang jenayah rentas sempadan dan tidak akan berkompromi dengan aktiviti berkenaan.